

## **NOTA KETERANGAN**

### **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)**

PGK ditakrifkan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. PGK dikemaskini setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna.

### **PGK Makanan**

Komponen makanan bagi PGK yang dikaji semula adalah berasaskan kepada pandangan pakar pemakanan, pakar diet dan pakar perubatan. Keperluan harian kalori setiap individu mengambil kira makanan seimbang yang meliputi: bijirin dan hasil bijirin (beras dan gandum); ayam, telur dan ikan; susu; minyak lemak; gula; sayur-sayuran dan buah-buahan; dan kekacang (dal, kacang hijau).

### **PGK Bukan Makanan**

Pola perbelanjaan komponen PGK bukan makanan yang terdiri daripada pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain adalah dikira berasaskan kepada penyiasatan perbelanjaan isi rumah.

### **Isi Rumah Miskin**

Isi rumah miskin ditakrifkan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan kasar bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinannya.

## **Isi Rumah Miskin Tegar**

Isi rumah miskin tegar ditakrifkan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan kasar bulanan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan Makanannya.

## **Jurang Kemiskinan**

Jurang kemiskinan digunakan untuk mengukur kedalaman kemiskinan sesebuah isi rumah di mana pendapatan kasar bulannya adalah di bawah nilai PGK isi rumah berkenaan. Ia diperoleh melalui jumlah perbezaan antara pendapatan purata isi rumah dengan PGK yang dinyatakan dalam peratusan daripada PGK.

## **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan negara adalah bertunjangkan dasar dan strategi pelaksanaan bagi membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8 % menjelang tahun 2010. Bagi menunjangi pelaksanaan pembasmian kemiskinan tegar dalam tempoh RMKe-9, SPKR telah dilaksanakan melalui sembilan program iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program ASB Sejahtera, Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Bangunan TASKA. Usaha pengurangan kemiskinan di bawah SPKR meliputi kumpulan sasar miskin, miskin tegar dan mudah terjejas yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR), Ahli Isi Rumah (AIR), Suri Rumah, Ibu Tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) dan sebagainya.

Sumber:

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah